



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI JABATAN PERDANA MENTERI**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PEGAWAI PROJEK KANAN (B.3)
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI PROJEK KANAN
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang / Dasar Awam / *Business Administration* / Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik / Kewangan / Pengurusan / Pentadbiran atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan lebih tinggi adalah kelebihan.

- b) i) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. a) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.

ATAU

- b) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.
3. Berkemahiran dan berkebolehan serta berpengalaman dalam *organizational development*, pengurusan kewangan dan pengurusan perancangan strategic adalah kelebihan.
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Merangka dan menyediakan dasar, pelan dan peta jalan strategi Jabatan bagi perancangan masa hadapan;
2. Menyediakan mekanisme penilaian prestasi (KPI) secara keseluruhan bagi Bahagian-Bahagian di dalam Jabatan Perkhidmatan Elektrik;
3. Menyediakan laporan-laporan Jabatan seperti laporan yang diperlukan bagi majlis mesyuarat negara, laporan bulanan, laporan suku tahun, laporan tahunan dan lain-lain laporan yang berkaitan;
4. Berurusan secara langsung dengan hal ehwal pihak-pihak yang berkepentingan seperti memantau dan meneliti kontrak-kontrak perjanjian Jabatan (*Power Purchase Agreement*);
5. Memastikan Pematuhan kontrak-kontrak di Jabatan mengikut atau selaras dengan keperluan atau saranan Jabatan Audit (*Contract Compliance*); dan
6. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai Atasan dari semasa ke semasa.